

27/06/2000

Pengorbanan tokoh Melayu dikenang

iewed by Salbiah Ani

JUDUL: Insan Pejuang Bangsa Melayu Abad Ke-20

PENULIS: Khairul Azmi Mohamad dan AF Yassin

PENERBIT: Yayasan Warisan Johor

HALAMAN: 146 halaman

BUKU Insan Pejuang Bangsa Melayu Abad Ke-20 merakamkan detik bersejarah dalam kehidupan insan yang menjadi peneraju Umno pada awal kebangkitan bangsa Melayu lewat 1940-an.

Hambatan dan jerit payah yang terpaksa dilalui pejuang Umno dirakamkan dalam buku ini bagi membolehkan generasi muda berkongsi pengalaman dan menghayati erti pengorbanan.

Semua orang Melayu di Malaysia biar bagaimana pendirian politik mereka, terpaksa mengakui hakikat Umno yang menjadi tonggak kepada usaha penyatuan bangsa Melayu bagi mengusir penjajah keluar dari Tanah Melayu.

Selain itu, tidak boleh dinafikan Umno juga adalah perintis usaha pembaikan dan pembinaan bangsa yang selama ini diperkotak-katikkan tangan asing.

Tokoh yang ditampilkan dalam buku berkenaan ialah Datuk Onn Ja'afar, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Tun Dr Ismail Abd Rahman, Tan Sri Musa Hitam, Tun Abdul Ghafar Baba, Tan Sri Senu Abd Rahman dan Tun Sardon Jubir.

Tidak ketinggalan Tan Sri Syed Jaafar Albar, Tan Sri Zainun Munshi Sulaiman, Tan Sri Fatimah Hashim, Tan Sri Aishah Ghani, Dr Abd Rahman Talib, Tan Sri Zainal Abidin Ahmad, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah, Tun Syed Nasir, Abd Aziz Ishak dan Datuk Ahmad Badawi Abdullah Fahim.

Sesetengah daripada tokoh pejuang Melayu ini mungkin tidak dikenali sama sekali generasi muda kini kerana mereka lebih dulu menemui Ilahi tetapi sumbangan mereka terus melakari sejarah negara.

Penulis buku ini, Dr Khairul Azmi dan AF Yassin, memilih tokoh untuk ditampilkan sebagai pejuang berdasarkan kedudukan mereka sebagai pemimpin tertinggi Umno.

Onn umpamanya adalah pengasas Umno yang tidak pernah berputus asa dalam menyatukan bangsa Melayu dan kegigihannya juga membolehkan bangsanya terus menikmati keselesaan yang dinikmati hari ini.

Sebaik Jepun menyerah kalah pada 1945, Datuk Onn menubuhkan gerakan politiknya, Pergerakan Melayu Semenanjung (PMS), yang berpusat di Johor dan menerusi PMS, beliau mengadakan rapat umum untuk menyedarkan orang Melayu.

Apabila British mengumumkan penubuhan Malayan Union pada 1946, Datuk Onn adalah tokoh yang paling lantang menentanginya kerana beliau sedar kedaulatan dan kekuasaan raja Melayu akan hilang.

Malahan Malayan Union juga diyakini mengancam kedudukan Negeri Melayu Bersekutu (Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang) dan Negeri Melayu Tidak Bersekutu (Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu).

Malayan Union juga akan mengakibatkan Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri Melayu Tidak Bersekutu bertukar menjadi Tanah Jajahan Inggeris sepenuhnya, sama seperti Negeri Selat (Singapura, Pulau Pinang dan Melaka).

Datuk Onn melepaskan jawatannya sebagai yang Dipertua Umno selepas cadangannya membuka keahlian kepada orang bukan Melayu ditolak dan Tunku Abdul Rahman mengambil alih daripadanya.

Meskipun Tunku tidak begitu dikenali ramai tetapi jaminan yang diberikan

Tun Abdul Razak kemampuan kepemimpinannya menyebabkan dia diterima ahli Umno.

Teriak kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 menjadikannya tokoh pejuang bangsa Melayu yang membebaskan Tanah Melayu daripada cengkaman penguasaan Inggeris.

Tun Abdul Razak pula memantapkan agenda kerja bagi mengisi kemerdekaan Tanah Melayu dengan merintis jalan bagi membangunkan bangsanya yang amat ketinggalan berbanding bangsa lain di negara ini.

Bapa Pembangunan Negara ini menggariskan Dasar Ekonomi Baru (DEB) sebaik sahaja beliau dilantik menjadi Perdana Menteri, selepas tercetusnya Peristiwa 13 Mei 1969.

Tun Abdul Razak mewariskan agenda kerja yang amat mantap kepada penggantinya, Tun Hussein, sehingga membolehkan pemimpin Umno Johor itu merangka pelbagai program pembangunan desa yang dibanjiri penghuni Melayu.

Selepas Tun Hussein memantapkan agenda pembangunan desa dan kampung, kepemimpinan bangsa Melayu diserahkan kepada Presiden Umno kelima, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Di bawah pimpinan Dr Mahathir, bangsa Melayu diberi keyakinan mereka mampu bersaing dengan apa juga bangsa di dunia ini dan ternyata mereka berupaya dalam pelbagai bidang.

Buku ini menggunakan bahasa yang sangat mudah difahami dan sesuai dibaca semua lapisan khalayak terutama peneliti politik Melayu Malaysia selain gambar pejuang Melayu turut disediakan bagi membolehkan pembaca mengenai mereka secara fizikal.

(END)